

# Fahami prosedur rawatan dan perubatan bantu masyarakat

KOTA KINABALU: Warga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di negeri ini disaran terus meningkatkan mutu perkhidmatan merangkumi aspek rawatan dan perubatan kepada masyarakat.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah Datuk Dr Christina Rundi berkata, mereka perlu memahami protokol perubatan semasa dan menghayati prosedur serta fasiliti perubatan yang wujud di peringkat negeri dan hospital.

Katanya, setiap warga di bawah KKM khususnya yang bertugas di hospital mempunyai kelebihan kerana mereka lebih mampu menyelami sebarang keresahan dan kegusaran pesakit sekiranya memahami prosedur rawatan dan protokol perubatan semasa berbanding masyarakat umum.

"Sehubungan itu, gunakan kelebihan itu dengan memberi perkhidmatan penuh bijaksana berpandukan prosedur yang ditetapkan dan hindari diri daripada sebarang prasangka negatif yang mampu mengundang kecaman, keselamatan seterusnya menjejaskan imej dan reputasi organisasi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerja di Fasiliti Perubatan anjuran Unit Keselamatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah dengan kerjasama Unit Keselamatan Awam HQE bertempat di Auditorium Hospital Queen Elizabeth (HQE) pada Isnin.

Lebih 100 peserta terdiri kalangan pegawai kesihatan negeri dan daerah pelbagai jawatan hadir pada seminar yang berlangsung selama dua hari itu.

Seminar antara lain memberi pendedahan kepada para peserta berhubung tugas dan tanggungjawab penyelarasan keselamatan serta kesihatan




DR CHRISTINA menerima risalah berhubung kaedah keselamatan dan kesihatan pekerja.

pekerja (OSH) di peringkat hospital dan klinik.

Antara kertas kerja yang dibentang termasuklah garis panduan menangani kekerasan pelanggan terhadap anggota KKM serta garis panduan berhubung keselamatan kebakaran di peringkat hospital.

Hadir sama di majlis itu ialah Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Dr William Gotulis serta Ketua Unit Kesihatan Awam HQE Dr Avinash K Chand yang turut bertindak sebagai pembentang kertas kerja seminar.



DR CHRISTINA diiringi Dr Avinash menyaksikan statistik anggota hospital yang menerima rawatan dan perlindungan semasa bertugas.